

Mas Kahwin di Pahang: Kiraan Semula Nilai Semasa

Muhammad Najib Abd Wakil*, Ikmal Hafiz Jamal,
Muhammad Hasif Yahaya, Mohamad Afandi Md Ismail

¹Academy of Contemporary Islamic Studies,
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Malaysia

*Pengarang Penghubung
muhammad.najib@uitm.edu.my

Received: 8 June 2020
Accepted: 7 February 2021
Online First: 10 March 2021

ABSTRAK

Menurut Islam, mas kahwin mempunyai matlamat pensyariatannya tersendiri terutamanya terhadap pasangan yang berkahwin. Pemberian mas kahwin menurut Islam adalah daripada sesuatu yang bermanfaat, bernilai dan berharga tanpa membebankan mana-mana pihak. Ironinya, Pahang merupakan antara negeri yang meletakkan kadar mas kahwin yang tersendah di Malaysia berbanding negeri-negeri lain. Kadar RM22.50 sebagai nilai tetap mas kahwin wanita di negeri tersebut dilihat terlalu rendah dalam konteks semasa dan agak bercanggah dengan tujuan pensyariatan mas kahwin di dalam Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tujuan pensyariatan mas kahwin di dalam Islam serta menganalisis sejarah dan perkembangan kadar mas kahwin di negeri tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif serta digandingkan dengan instrumen temu bual dan analisis dokumen dalam mendapatkan data. Data yang diraih pula dianalisis menggunakan kaedah deduktif dan deskriptif. Natijahnya, kajian mendapati bahawa kadar ketepatan RM22.50 sebagai nilai mas kahwin di negeri Pahang telah bermula sejak tahun 1930-an dan tidak pernah berubah sehingga ke hari ini. RM22.50 sekitar



Copyright © 2021 UiTM Press.
This is an open access article
under the CC BY-NC-ND license

PENERBIT  PRESS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

tahun 1930-an masih dianggap bernilai tinggi dan setara dengan gaji bulan seorang pegawai daerah dan sekati perak pada waktu tersebut. Namun begitu, perubahan sistem mata wang dan peredaran masa telah menyebabkan nilai RM22.50 pada masa kini dilihat terlalu rendah dan menawarkan kuasa beli yang kecil kepada pemiliknya. Kerendahan nilai mas kahwin di negeri Pahang juga tidak menepati tujuan pensyariatan mas kahwin di dalam Islam yang memuliakan pasangan wanita dan mengangkat nilai perkahwinan Islami. Kajian ini dilihat signifikan sebagai rujukan oleh pihak berautoriti agama Islam di negeri Pahang secara khususnya dalam menilai keperluan semakan semula kadar mas kahwin yang telah diamalkan untuk tempoh hampir seabad tersebut.

Kata kunci: *Kadar, Mas Kahwin, Pahang, Konteks Semasa*

Islamic Dowry Rate in Pahang: A Study of its Relevance in Current Context

ABSTRACT

The ruling of dowry in Islam has its own purposes (Maqasid Shariah) especially for marrying couple. The given dowry in Islam must be beneficial and valuable without burdening any party. Ironically, Pahang is one of the states that fixed the lowest dowry rate in Malaysia compared to other states. The rate of RM22.50 as the fixed value of female dowry in that state is seen as too low in the current context and quite contrary to the purpose of dowry in Islam. Therefore, this study aims to study the purpose of dowry obligation in Islamic marriage as well as to analyse the history and development of dowry rates in the state. This study uses qualitative method with practicing interview and content analysis instruments in obtaining data. The obtained data then were analysed using deductive and descriptive method. As a result, the study found that the rate setting of RM22.50 as the dowry value in the state of Pahang started since the 1930's and has not changed until today. RM22.50 around 1930's era was still considered valuable and equivalent to the monthly salary of a district officer and 600g price of silver at that time. However, changes in the world currency system and time have caused the current value of RM22.50 to be seen as too low and offer small purchasing power to its owners. The low value of dowry in the state of Pahang also does not meet the purpose of dowry in Islam which glorifies female partners

and raises the value of Islamic marriage. This study is significant to be used as a reference for Islamic religious authorities in the state of Pahang in especially in assessing the need to review the dowry rate that has been practiced for almost a century.

Keywords: *Islamic Dowry, Pahang, Relevance, Current Context*

PENGENALAN

Mas kahwin atau mahar menurut Kamus Dewan Bahasa merupakan satu pemberian seorang lelaki kepada seorang perempuan yang dinikahinya atau dengan sebab persetubuhan dengannya. Mas kahwin di dalam Islam bukanlah harga diri seorang wanita, tetapi merupakan pemberian yang memuliakan seorang wanita daripada pihak lelaki kepada isterinya. Bagi negeri Pahang, kadar mas kahwin yang ditetapkan pada masa kini adalah bernilai RM22.50 dan kadar ini dipercayai telah ditetapkan sejak tahun 1930-an dan tidak pernah disemak semula. Kajian mendapati bahawa jumlah RM22.50 pada waktu tersebut adalah bernilai dan berharga di sisi masyarakat. Nilaian RM22.50 adalah menyamai gaji seorang pegawai daerah dan harga sekati perak pada waktu tersebut. Kembali kepada realiti peredaran zaman pada masa kini, jumlah RM22.50 adalah dinilai sangat rendah dan tidak mampu memberikan manfaat yang banyak kepada pemiliknya. Justeru, kedudukan mas kahwin sebagai satu pemberian wajib atas sebab perkahwinan di dalam Islam dilihat tidak terlalu signifikan dengan nilainya RM22.50. Mas kahwin menurut Islam adalah digalakkan dalam nilai pemberian yang berharga dan bermanfaat mengikut kemampuan pasangan lelaki tanpa membebankan mana-mana pihak. Menurut Islam, mas kahwin mempunyai fungsi yang hebat seperti berperanan sebagai jaminan sosio ekonomi wanita, lambang kesucian perkahwinan dan tanda kesediaan pasangan lelaki untuk memikul tanggung jawab perkahwinan yang lebih besar. Kebanyakan negeri di Malaysia telah melaksanakan tugas penetapan nilai semula mas kahwin dalam konteks yang lebih terbaru dan semasa. Oleh itu, kajian ini akan meneliti keperluan semakan dan penetapan semula kadar mas kahwin di Pahang dalam konteks semasa bagi mencapai hikmah pensyariatan mas kahwin berdasarkan wahyu Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian menurut Ahmad Sunawari (2011) merupakan kaedah yang digunakan sama ada untuk mengumpul data atau menganalisa data dalam sesebuah kajian. Metodologi kajian sangat penting bagi memastikan hasil dapatan kajian selari dengan matlamat dan objektif kajian. Metodologi kajian yang dipilih adalah berbentuk kajian kualitatif. Kualitatif adalah sebuah kaedah kajian yang digunakan untuk meneroka dan mendalamai individu atau kumpulan yang terlibat dengan sesuatu permasalahan atau fenomena manusia dan komuniti. Ia berkait rapat dengan soal kualiti atau mutu yang disandarkan kepada mutu sebuah konteks yang merupakan objektif utama penyelidikan (Marohaini, 2001; Othman, 2007). Kajian ini menggunakan gabungan instrumen analisis kandungan dan temu bual dalam meraih maklumat berkaitan dengan kajian.

Analisis kandungan merujuk kepada penjelasan secara objektif dan teratur terhadap informasi-informasi yang wujud secara tersurat sama ada melalui penelitian terhadap bahan bersumberkan media cetak, gambar, visual penyiaran, literasi kesusasteraan, literasi kepustakaan dan manuskrip (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan, 2015). Menurut Alan Bryman (2001), analisis dokumen merupakan kecenderungan untuk menganalisis dokumen dan teks yang boleh dilihat dan difahami dengan cara yang sistematik dan objektif. Justeru, kajian ini juga mempunyai maklumat hasil daripada analisis kandungan yang diambil daripada paparan akhbar, jurnal, artikel, kolokium, prosiding wawancara di radio dan televisyen serta hasil maklumat daripada sesi pembentangan golongan yang berautoriti. Terdapat juga analisis kandungan yang dilakukan terhadap dokumen-dokumen atau kajian yang dijalankan oleh badan yang terlibat seperti Majlis Agama Islam Johor dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dalam memahami praktikal sebenar kadar mahar perkahwinan yang ditetapkan di Pahang dan Johor. Kajian ini juga meneliti akta dan enakmen perkahwinan negeri yang melibatkan mahar di negeri-negeri yang dikaji. Sebagai contohnya, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Pahang 1991 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 dijadikan dasar kajian dalam mengkaji penetapan kadar mahar di kedua-dua negeri tersebut.

Instrumen kedua yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui kaedah temu bual. Temu bual merupakan instrumen sokongan dalam meraih dapatan yang berkaitan dengan kajian ini. Instrumen temu bual merupakan salah satu cabang kajian tinjauan selain daripada instrumen soal selidik. Instrumen temu bual berbeza dengan instrumen soal selidik dalam beberapa perkara. Temu bual dilakukan dengan perbualan atau perbincangan, direkod dengan alat perakam seperti telefon atau peranti media lain serta ditulis dalam bentuk tulisan oleh pengkaji (Chua Yan Piaw, 2006). Terdapat beberapa jenis atau model temu bual yang sering digunakan oleh pengkaji-pengkaji seperti temu bual berstruktur, temu bual separa struktur dan temu bual tidak berstruktur (Chua Yan Piaw, 2006). Namun begitu model temu bual yang dipilih bagi kajian ini adalah model temu bual separa struktur. Temu bual separa struktur adalah terdiri daripada soalan-soalan berkaitan dengan isu yang dikaji mengikut tema kajian dan tidak terikat dengan pilihan jawapan (Creswell, 2007; Merriam, 2009). Sebagai contohnya, kajian ini telah menemu bual wakil responden daripada pihak Pegawai Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), wakil pegawai Pejabat Kadi Daerah Muar dan wakil pengamal undang-undang (peguam) di Johor Bahru. Kesemua responden yang dipilih adalah bagi menjelaskan isu dan persoalan yang diperlukan bagi menyiapkan kajian ini.

Kesemua data yang diperoleh akan melalui proses penganalisaan, antaranya:

1. Metode deduktif: Kajian ini menjadikan metode deduktif sebagai salah satu cara menganalisis data. Metode deduktif kebiasaannya difahami sebagai kaedah pengaplikasian keumuman sesuatu data kepada data yang khusus atau tertumpu kepada sesuatu permasalahan (Chua Yan Piaw, 2006). Sebagai contohnya, pandangan ulama berkenaan hikmah dan keutamaan pemberian mas kahwin daripada sesuatu yang berharga telah diaplikasikan dan dikaji dalam konteks yang sedikit kecil iaitu bagi negeri Johor dan Pahang. Kajian telah menjadikan keumuman teori dan pandangan ulama untuk dikaji ke sesuaiannya melalui skop yang lebih kecil iaitu khusus berkaitan teori penetapan kadar mas kahwin di Johor dan Pahang.
2. Metode deskriptif: Metode ini merupakan kaedah penganalisisan yang memberi gambaran sebenar tentang objek atau situasi yang

diteliti dengan mendalam. Tujuan kajian deskriptif adalah untuk memperincikan dan menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Chua Yan Piaw, 2006). Berdasarkan kajian ini, fenomena berkaitan kerendahan nilai mas kahwin di negeri Johor dan Pahang sememangnya masih berlaku dan mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat di negeri Johor dan Pahang. Metode jenis ini digunakan dalam dapatan temu bual yang diraih bagi mendapat gambaran amalan sebenar pemberian mas kahwin di negeri Johor dan Pahang.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Mas Kahwin Menurut Islam

Mas kahwin atau mahar dapat difahami sebagai suatu pemberian yang disediakan oleh pasangan lelaki kepada pasangan wanitanya dengan sesuatu yang bernilai dan berharga atas dasar perkahwinan. Merujuk kepada Kamus al-Mu^ctamad, mas kahwin merupakan harta pemberian oleh pasangan lelaki kepada wanita yang dikahwininya atas sebab pernikahan (Utyah, 2007). Mas kahwin diwajibkan kepada pasangan lelaki dan bukannya wanita (al-Zuhayliyy, 1989). Pensyariatan tersebut berlaku kerana lelaki mempunyai kekuatan dan kemampuan yang melebihi wanita dalam pelbagai perkara termasuk dalam hal mencari pendapatan bagi meneruskan kehidupan.

Sebahagian ulama menganggap pemberian mas kahwin sebagai ganjaran atau tebusan kepada persetubuhan yang dilakukan antara pasangan (Al-Zuhayliyy, 1989). Mas kahwin adalah hak mutlak peribadi seorang isteri dan isteri juga mempunyai hak untuk menafikan kewajibannya terhadap suaminya sehingga mas kahwin ditunaikan (al-Sha^crāwiyy, 2000).

Para ulama juga sepakat menyatakan keharusan dan galakan bagi pasangan lelaki yang memiliki kemampuan dankekayaan untuk memberikan mahar yang bernilai tinggi kepada isterinya (Ibn Taymiyyah, 2005). Keharusan ini bersesuaian dengan firman Allah di dalam Surah Al Nisa':

وَإِنْ أَرَدْتُمْ اسْتِبْدَالَ رَوْجَ مَكَانٍ رَوْجٌ وَآتَيْتُمْ إِحْدَاهُنَّ قِنْطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا
أَتَأْخُذُونَهُ بُهْتَانًا وَإِنَّمَا مُبِينًا

Dan jika kamu ingin mengganti isterimu dengan isteri yang lain, sedang kamu telah memberikan kepada seseorang di antara mereka harta (mahar) yang banyak, maka janganlah kamu mengambil kembali daripadanya walau sedikitpun. Adakah kamu akan mengambil kembali dengan jalan tuduhan yang dusta dan menanggung dosa yang nyata?

(Surah al-Nisa': 20).

Ayat ini mengandungi dalil yang mengharuskan pemberian mas kahwin dengan kadar yang banyak dan bernilai tinggi yang iaitu difahami melalui penggunaan ayat *qintār* yang bermaksud sebahagian jumlah harta yang bernilai tinggi dan banyak (Ibn al-Kathīr, 2008). Terdapat juga ulama yang berpendirian lafaz *al-qinṭār* membawa maksud harta yang banyak mengikut *urf* dan budaya sesuatu tempat (Ibn al-‘Arabīyy, 2006). Ibn al-‘Āshūr (2014) melalui tafsirnya, menyatakan bahawa melalui ayat ini, Allah telah mengharuskan pemberian mas kahwin atau harta yang bernilai tinggi dan tiada batasan jumlah sebagai pemberian mas kahwin.

Oleh itu, berdasarkan penjelasan-penjelasan yang telah dinukilkhan daripada sarjana-sarjana Islam sebelum ini, dapat difahami bahawa Islam mengharuskan dan menggalakkan pemberian mas kahwin daripada sesuatu yang bernilai tinggi di sisi manusia. Namun begitu, ketinggian nilai mas kahwin tersebut tidaklah sehingga menindas mana-mana pihak apatah lagi menyukarkan proses perkahwinan. Pemberian mas kahwin tersebut adalah diberikan secara mutlak kepada pasangan wanita tanpa wujud sebarang campur tangan daripada sesiapa.

Matlamat Pensyariatan Mas Kahwin Menurut Islam

Pemberian mas kahwin tidak sewajarnya dipandang rendah dan dianggap picisan dalam sesebuah akad perkahwinan. Allah tidak menjadikan sesuatu pensyariatan tanpa sebarang peranan dan sia-sia (Ibn ‘Āshūr, 2004). Perkara ini bersesuaian dengan pelbagai dalil, antaranya menerusi firman Allah:

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَا عِبْدٌ

Dan Kami tidak menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada antara keduanya dengan bermain-main

(Surah al-Dukhān: 37)

Disiplin ilmu Islam yang mengkaji tentang hikmah atau matlamat sesebuah pensyariatan dinamakan sebagai Ilmu Maqasid Syariah. Ilmu ini mengkaji tentang hikmah sesebuah pensyariatan yang dapat difahami melalui dalil-dalil naqli. Oleh itu, mas kahwin juga tidak terlepas daripada objektif pensyariatannya yang tersendiri dan dibahaskan oleh para ulama terdahulu mahupun kontemporari. Sebagai contohnya, menurut al-Sibā‘iyy (1999), pensyariatan mas kahwin berperanan sebagai simbol kesucian dan ketinggian terhadap wanita atas sebab pernikahan. Pernyataan ini juga disokong oleh Mohd Shahzihan (2009), seorang pegawai di Jabatan Agama Islam Selangor yang mengemukakan bahawa mas kahwin sangga bermakna dalam mengiktiraf hak pemilikan harta dan lambang kehormatan wanita. Kewujudan mas kahwin dalam pernikahan secara logiknya mampu menyuburkan perasaan cinta dan saling menghargai dalam diri pasangan. Suami yang telah berusaha memerah keringat demi melunaskan mas kahwin yang bernilai kepada pasangannya akan lebih bersikap rasional, teliti dan berhati-hati dalam segala keputusan demi menjamin keutuhan ikatan perkahwinan yang dibina. Pemberian mas kahwin mampu melahirkan keikhlasan dan menghangatkan kasih sayang antara pasangan yang berkahwin (Haron Din, 1993). Walaupun mas kahwin bukannya syarat sah sesebuah perkahwinan, pemberiannya adalah wajib dan simbol kemuliaan status perkahwinan menurut perspektif Islam (Al-Marghīnāniyy, 2010).

Terdapat sarjana yang berpendirian bahawa konsep teras perkahwinan adalah untuk berpasangan selama-lamanya dan perkahwinan yang kekal hanya berlaku dengan persetujuan bersama oleh pasangan. Persetujuan pula akan digapai sekiranya pihak wanita dilihat mulia melalui pandangan pihak lelaki tersebut. Kemuliaan wanita pula terzahir dengan pemberian mas kahwin yang bernilai dan berharga oleh pasangan lelaki. Menurut lumrah alam, sesuatu yang sukar untuk diraih akan sukar juga untuk dilepaskan termasuklah wanita pilihan hati yang sah bergelar isteri (al-Kāssānīyy, 1986). Kemuliaan wanita dalam perkahwinan akan tercalar sekiranya mas kahwin yang diberikan oleh pihak lelaki terlalu sedikit sekaligus merendahkan

hormat terhadap pihak wanita yang dianggap murah. Permasalahan yang berlaku ini juga mungkin akan meningkatkan kes perceraian kerana kadar mas kahwin yang dianggap rendah oleh pihak lelaki lebih memudahkan mereka untuk kahwin berulang kali.

Penyediaan mas kahwin oleh pasangan lelaki juga bertujuan menguji persediaannya dari sudut ekonomi sebelum menghadapi alam perkahwinan yang pastinya meningkatkan komitmen perbelanjaan bulanan pasangan berkahwin. Oleh itu, mas kahwin mestilah daripada *al-māl al-mutaqawwam* iaitu pemberian yang bermanfaat dan bernilai seperti emas, intan, rumah dan lain-lain lagi. Berdasarkan perbahasan dalam subtopik sebelum ini, mas kahwin atau mahar merupakan hak mutlak pasangan wanita yang berkahwin tanpa masuk campur oleh mana-mana pihak termasuk ahli keluarganya. Hakikatnya, penerimaan pasangan wanita terhadap mas kahwin tersebut adalah sebagai tanda kesediaan dan penerimaannya untuk memikul tanggungjawab baharu hidup dan bersama suaminya (Sukayriyy, 2006). Penafian hak wanita untuk menerima mas kahwin atau dengan kadar yang terlalu rendah tidak jauh bezanya dengan amalan arab jahiliyyah yang menidakkannya pemberian harta kepada wanita. Menurut sejarah, jumlah mas kahwin sepenuhnya diserahkan kepada bapa pihak wanita tanpa sedikitpun bahagian bagi pasangan wanita yang berkahwin tersebut. Pada zaman tersebut, anak wanita yang berkahwin dianggap seperti barang dan bapanya dianggap pemilik dan berkuaasa penuh terhadap anaknya. Pihak bapa wanita tersebut bebas menggunakan mas kahwin yang diraih daripada menantu mereka sesuka hati mereka tanpa perlu mendapat izin sesiapa terlebih dahulu (Mohd Shahzihan, 2009). Freeland (t.th), seorang sarjana barat melalui penulisan artikelnya “The Islamic Institution of Mahr and American Law” turut berpendirian menyatakan bahawa mas kahwin di dalam Islam dianggap sebagai harta eksklusif dan mutlak pasangan wanita yang tidak boleh disekat dan dikawal oleh sesiapa pun termasuk walinya.

Berdasarkan perbincangan pendapat dan dalil yang telah dibincangkan menerusi sub tajuk ini, dapat difahami bahawa terdapat beberapa hikmah pensyariatan mas kahwin menurut perspektif Islam. Sebagai contohnya, mas kahwin merupakan simbol kemuliaan, ketinggian serta kesucian wanita dan perkahwinan di dalam Islam. Berdasarkan perbahasan-perbahasan sebelum ini, mas kahwin dengan nilai yang terlalu rendah dilihat tidak mencapai Maqasid Syariah atau tujuan pensyariatannya di sisi Islam. Nilai tetapan

mas kahwin yang rendah nilainya seperti RM22.50 menimbulkan beberapa polemik dari spektrum pandangan Islam. Oleh itu, kajian ini seterusnya akan membahaskan sejarah, perundangan dan perkembangan tetapan kadar mas kahwin di negeri tersebut bagi merungkai kerelevanan meminda jumlah mas kahwin di Pahang ke suatu jumlah yang lebih ideal.

Kadar Mas Kahwin Di Pahang Dalam Konteks Sejarah Dan Semasa

Penguasaan pihak Inggeris ke atas Pahang telah berlaku sejak tahun 1888 dan dihimpunkan bersama negeri Selangor, Perak dan Negeri Sembilan dan digelar sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Abdul Kadir, 1996). Enakmen Pentadbiran Agama Islam telah diperkenalkan di negeri-negeri tersebut dan *The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment 1900* adalah enakmen agama Islam pertama di Pahang. Tulisan Bahasa pengantar enakmen tersebut adalah bermediumkan Bahasa Inggeris. Beberapa enakmen lain seperti *The Muhammadan Laws Enactment 1904* dan *The Muhammadan Marriage and Divorce Registration 1915* mula dikuatkuasakan di Pahang dan disemak secara berkala. Pahang juga telah memperkenalkan satu lagi enakmen baru bagi mengawal dan menyelia urusan perkahwinan dan penceraian di Pahang iaitu *The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment 1920*. Enakmen ini telah dipinda beberapa kali isi kandungannya dari semasa ke semasa. Pada tahun 1951, Pahang telah menukar penggunaan “Muhammadan” dalam enakmen-enakmen yang digubal sebelumnya kepada perkataan “Muslim” selari dengan beberapa pindaan terhadap isi kandungan enakmen.

Kajian ini melanjutkan pencarian data melalui proses temu bual yang dijalankan bersama wakil pegawai Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) di Daerah Pekan. Hasil temu bual mendapati bahawa sekitar tahun 1930-an adalah permulaan amalan masyarakat Pahang memberikan mas kahwin dengan jumlah RM22.50 iaitu ketika *The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment* dikuatkuasakan (Sazilarahimi, 2017). Pihak JAIP yang telah mengkaji tentang penetapan kadar mas kahwin di negeri itu tidak menjumpai apa-apa dokumen perundangan atau bahan bertulis yang mencatatkan waktu penetapan kadar mas kahwin itu mula dikuatkuasakan. Walaubagaimanapun, pihak JAIP telah mengambil langkah alternatif menemubual orang-orang veteran di Pahang (yang berpengalaman

menyaksikan atau merasai urusan perkahwinan di negeri Pahang suatu ketika dulu) dengan bertanyakan pengalaman mereka tentang perkahwinan khususnya berkenaan penetapan kadar mas kahwin di Pahang. Dapatkan kajian lapangan itu membawa kepada satu kesimpulan iaitu penetapan kadar mas kahwin tersebut bermula sekitar tahun 1930-an, namun tiada tahun yang khusus diberikan oleh mana-mana responden.

Merujuk kepada *The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment 1920*, kajian mendapati tiada kadar maksimum dan minimum mas kahwin yang ditetapkan melalui enakmen tersebut, walaubagaimanapun pasangan adalah digalakkan untuk memberi mas kahwin yang tidak bernilai rendah daripada 10 Dirham dan tidak pula melebihi 500 Dirham (Ibrahim, 1965). Berdasarkan seksyen 38 dalam buku perundangan Muhammadan Law, mas kahwin yang ditetapkan atau dikenali sebagai *Mahar al-musamma* mestilah tidak mengurangi nilai 10 Dirham serta nilainya mestiah dipersetujui oleh kedua-dua pihak suami dan isteri sebelum, semasa atau selepas perkahwinan (Babu Ram, 1968). Dihuraikan juga, nilai Dirham adalah disandarkan kepada perak (Roland Knyvet, 1920). Wujud juga andaian yang menyatakan bahawa pihak berautoriti negeri Pahang telah menciduk kadar RM22.50 yang diamalkan di Johor untuk diamalkan di negeri tersebut. Andaian tersebut adalah berdasarkan isi kandungan Ahkam Syar'iyyah Johor 1935 di dalam perkara 309 yang menyatakan bahawa kadar nilai mahar bagi seluruh negeri dan jajahan Johor mestilah sebanyak sekati perak (600 gram) yang bersamaan RM 22.50, tidak lebih dan boleh kurang dimana RM22.50 merupakan nilai maksimum mas kahwin di Johor pada waktu itu. Hal ini juga menunjukkan ketinggian kadar RM22.50 pada waktu tersebut. Kadar RM22.50 merupakan nilai setara bagi sekati Perak dan telah dinyatakan dengan jelas di dalam peruntukan tersebut. Kajian juga menyedari bahawa Ahkam Syar'iyyah Johor telah diperkenalkan pada tahun 1935 penetapan kadar RM22.50 sebagai nilai mas kahwin di Pahang. Oleh itu, penetapan kadar RM22.50 sebagai sandaran nilai mas kahwin bagi kedua-dua negeri dipercayai berlaku dalam tempoh masa yang dekat dan tidak berbeza terlalu jauh. Latar belakang lokasi, ekonomi, dan status sosial masyarakat yang tidak jauh berbeza antara kedua-dua negeri berjiran tersebut memungkinkan proses asimiliasi penetapan kadar mas kahwin yang sama berlaku.

Berpindah ke perbahasan semasa kadar mas kahwin di Pahang, peruntukan undang-undang mengenai mas kahwin ada dinyatakan menerusi Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2005. Di bawah seksyen 2 enakmen tersebut, mas kahwin diertikan sebagai pembayaran kahwin yang wajib dibayar di bawah Hukum Syarak oleh suami kepada isteri pada masa perkahwinan diakadnikahkan, sama ada berupa wang yang sebenarnya dibayar atau diakui sebagai hutang dengan atau tanpa cagaran, atau berupa sesuatu yang menurut hukum Syarak, dapat dinilai dengan wang. Peruntukan seksyen 21 menerangkan hal-hal berkaitan prosedur pemberian mas kahwin ketika akad nikah dilangsungkan dan berkenaan peranan pendaftar perkahwinan dalam proses perekodan mas kahwin.

Kajian mendapati tiada peruntukan yang menerangkan tentang kadar mas kahwin atau mahar di negeri Pahang menerusi Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, 2005. Namun begitu, terdapat banyak dapatan yang membuktikan negeri Pahang sememangnya menetapkan kadar RM 22.50 sebagai nilai tetap mas kahwin bagi mana-mana pasangan yang ingin berkahwin di negeri tersebut. Antaranya adalah melalui hasil rujukan terus kepada rekod-rekod nikah pasangan yang telah berkahwin di Pahang dari pelbagai daerah sejak tahun 2012. Kajian meneliti kesemua rekod nikah yang disimpan oleh pihak Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan kesemuanya mencatatkan nilai RM22.50 sebagai nilai mas kahwin yang tetap.

Responden yang mewakili JAIP menerangkan bahawa penetapan kadar mas kahwin di Pahang adalah termaktub melalui pekeliling yang diselia oleh Ketua Pendaftar Bahagian Nikah, Cerai dan Rujuk, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Pekeliling tersebut tidak dipaparkan sebagai rujukan umum. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang juga diterajui oleh Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah sebagai Yang Dipertua yang telah mengesahkan pekeliling mengenai penetapan kadar mas kahwin tersebut di negeri Pahang. Pekeliling tersebut membawa isi kandungan melarang pemberian mas kahwin melebihi RM 22.50 di negeri tersebut. Justeru itu, pemberian mas kahwin melebih RM 22.50 adalah ditegah dan tidak dibenarkan oleh pihak berautoriti negeri. Pekeliling mengenai penetapan kadar mas kahwin tersebut hanyalah sekadar rujukan dalaman pihak berautoriti seperti pihak pentadbiran agama Islam Pahang dan kesemuanya kadi yang ada di negeri tersebut.

Memandangkan negeri Pahang menetapkan kadar RM 22.50 sebagai kadar tetap pemberian mas kahwin, sebarang pemberian mas kahwin yang melebihi kadar tersebut adalah tidak dicatat oleh juru nikah. Terdapat banyak pertikaian yang dilaporkan melibatkan pihak lelaki ingin membayar mas kahwin melebihi RM 22.50 kepada pasangan wanita mereka. Oleh itu, terdapat juga juru nikah yang mencadangkan kepada mana-mana pasangan yang ingin memberikan mas kahwin melebihi RM 22.50 untuk menjadikan lebihan tersebut sebagai “pemberian belakang” atau hadiah. Lebihan bayaran atau “berian belakang” tersebut akan dicatatkan dalam ruangan “belanja hantaran” atau “pemberian lain” yang direkodkan dalam sijil nikah dan bukannya di bahagian “mas kahwin”.

Namun begitu, amalan ini juga terdapat banyak pertikaian yang berlaku oleh pasangan yang memahami perbezaan antara mas kahwin dan hantaran perkahwinan dari sudut penguatkuasaan undang-undang dan hukum Islam. Hal ini kerana sijil nikah boleh dijadikan bukti atau hujah di mahkamah dan mas kahwin yang dicatatkan dalam sijil tersebut ada kaitannya dengan proses tebus talak di mahkamah sekiranya berlaku di hari yang mendatang. Kajian melihat amalan “pemberian belakang” yang dicadangkan oleh pihak berautoriti agama Islam negeri Pahang adalah tidak relevan dan akan menindas pihak suami sekiranya berlaku kes tebus talak di kemudian hari. Hal ini disebabkan dokumen seperti sijil atau rekod nikah akan dijadikan bukti bertulis oleh pihak mahkamah dalam penentuan nilai tebus talak yang perlu dibayar oleh isteri iaitu bersamaan nilai pemberian mas kahwin yang tercatat. Menurut responden, sekiranya tiada nilai persetujuan bagi kes tebus talak berjaya dicapai antara pasangan, maka hakim kebiasaannya akan mengikut pandangan sarjana Islam yang menetapkan nilai mas kahwin perlu dipulangkan sebagai nilai tebus. Oleh itu, dalam konteks di negeri Pahang, sekiranya nilai persetujuan tebus talak gagal dicapai antara pasangan, maka hakim akan menetapkan nilai RM 22.50 sebagai nilai tebus talak. Responden yang juga merupakan bekas peguam syarie negeri Pahang menyatakan bahawa kes penetapan nilai tebus talak oleh hakim adalah jarang berlaku di Pahang kerana kebiasaannya nilai tebus talak dipersetujui oleh pasangan yang bermasalah tersebut. Namun begitu, hal tersebut adalah tidak mustahil untuk berlaku di mana-mana mahkamah syariah negeri Pahang sama ada disebabkan salah satu pasangan tidak dihadiri oleh wakil peguam atau kedua-dua pihak berkeras untuk tidak mencapai satu nilai persetujuan di hadapan hakim (Mohamad Firdaus, 2017).

Pengkaji telah merujuk kepada Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pahang 2005, dan pengkaji mendapati bahawa peruntukan mengenai khulu^c atau tebus talak adalah di bawah Seksyen 49 yang menyatakan:

- (1) Jika suami tidak bersetuju menjatuhkan talaq dengan kerelaannya sendiri, tetapi pihak-pihak itu bersetuju bercerai dengan cara penebusan atau cerai tebus talaq, Mahkamah hendaklah, selepas jumlah bayaran tebus talaq dipersetujui oleh pihak-pihak itu, mengarahkan suami itu melafazkan perceraian dengan cara penebusan, dan perceraian itu adalah bain sughra atau tak boleh dirujukkan.
- (2) Mahkamah hendaklah merekodkan cerai tebus talaq itu dengan sewajarnya dan menghantarkan satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.
- (3) Jika jumlah bayaran tebus talaq tidak dipersetujui oleh pihak-pihak itu, Mahkamah boleh mentaksirkan jumlah itu mengikut Hukum Syarak dengan memberi pertimbangan kepada taraf dan sumber kewangan pihak-pihak itu.
- (4) Jika suami tidak bersetuju bercerai dengan cara penebusan atau tidak hadir di hadapan Mahkamah sebagaimana diarahkan, atau jika Mahkamah berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi suatu perdamaian, Mahkamah hendaklah melantik suatu jawatankuasa pendamaian sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 47 dan seksyen itu hendaklah dipakai sewajarnya.

Oleh itu, informasi yang diberikan oleh responden adalah dipercayai benar dengan melihat kepada Subseksyen 1 iaitu pemberian *khulu^c* pada awalnya perlulah berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak. Namun begitu, sekiranya persetujuan gagal dicapai antara kedua-dua pihak mengenai kadar bayaran tebus talak, maka mahkamah atau hakim diberikan kuasa untuk menetapkan jumlah tebus talak yang perlu dibayar oleh pihak isteri berdasarkan Syariah Islam. Perkara ini dinyatakan secara jelas melalui Subseksyen 3. Oleh itu, wujud kemungkinan bagi pihak mahkamah untuk mengambil sebahagian pendapat ulama yang beranggapan kadar *khulu^c* adalah berdasarkan nilai pemberian mahar dalam perkahwinan tersebut.

Oleh itu, mahkamah akan merujuk rekod atau sijil pernikahan bagi merujuk nilai mas kahwin sebagai dasar penetapan kadar tebus talak.

Kesannya, jelaslah bahawa amalan “pemberian belakang” seperti yang dijelaskan sebelum ini adalah tidak relevan kerana rekod mas kahwin yang dikeluarkan dan disahkan oleh pendaftar nikah memberi kesan terhadap tuntutan tebus talak sekiranya berlaku di hari kemudian. Kajian menyimpulkan bahawa amalan “pemberian belakang” mas kahwin yang tidak direkod dalam sijil nikah serta melebihi nilai RM 22.50 oleh sesetengah pihak akan memberi kesan dari sudut undang-undang terhadap kes-kes seperti tebus talak. Perkara ini juga menyangkal dakwaan sesetengah pihak yang beranggapan isu kerendahan penetapan mas kahwin di negeri Pahang mampu diselesaikan dengan amalan “pemberian belakang” atau diseimbangkan dengan pemberian hantaran. Hanya rekod kadar mas kahwin yang dicatat dalam surat perakuan nikah akan dirujuk oleh mahkamah tanpa mengambil kira amalan pemberian belakang yang diamalkan. Perkara ini juga menjadi alasan yang kukuh akan keperluan mengubah penetapan kadar mas kahwin secara global iaitu melalui kuasa pihak berautoriti negeri Pahang dan diperkasa oleh kuasa undang-undang syariah negeri Pahang khususnya. Hasilnya, pemberian mas kahwin yang melebihi RM 22.50 akan direkodkan mengikut pemberian sebenar pasangan di atas sijil nikah serta diakui sah oleh undang-undang syariah negeri sebagai rujukan di mahkamah.

Pengkaji juga telah diberikan kesempatan untuk merujuk rekod surat perakuan nikah yang dikeluarkan kepada pasangan-pasangan yang sudah berkahwin di pelbagai daerah di negeri Pahang. Pengkaji dibenarkan untuk merujuk sistem pangkalan data yang menyimpan rekod-rekod surat perakuan nikah dan butiran pasangan-pasangan yang sudah berkahwin telah diperkenalkan sejak tahun 2004 di Pahang. Pengkaji dimaklumkan bahawa butiran mengenai kadar mas kahwin di dalam sistem adalah tidak boleh diubah dan tetap dengan kadar RM 22.50. Selain mas kahwin, kadar “belanja hantaran” dan “pemberian lain” adalah perlu diisi oleh juru nikah atau pendaftar nikah berdasarkan kadar pemberian sebenar oleh pengantin lelaki ketika majlis akad nikah berlangsung. Berikut merupakan jadual dan ringkasan mengenai butiran sijil perakuan nikah yang berjaya dirujuk oleh pengkaji bermula tahun 2012 sehingga tahun 2017. Rujukan terhadap surat perakuan nikah ini adalah bagi membandingkan dan membuktikan bahawa kadar mas kahwin di negeri Pahang sememangnya tetap dan tidak berubah

walaupun di daerah yang berbeza. Maklumat yang diraih telah dirumuskan melalui jadual berikut:

Jadual 1: Dapatan Rekod Pemberian Mas Kahwin di Jabatan Agama Islam Pahang, Daerah Pekan

Tahun	Pasangan	Jumlah Mas Kahwin	Jumlah Hantaran	Daerah Pernikahan
2012	Encik Khairi	RM 22.50	RM 6000.00	Jerantut
	Encik Nuzulul	RM 22.50	RM 8000.00	Kuantan
2013	Encik Mahanan	RM 22.50	RM 0.00	Cameron Highlands
	Encik Azahar	RM 22.50	RM 8000.00	Kuala Lipis
2014	Encik Edrian	RM 22.50	RM 10,000.00	Cameron Highlands
	Encik Hakim Abu	RM 22.50	RM 8000.00	Bera
2015	Encik Raizul	RM 22.50	RM 0.00	Triang
	Encik Yamin	RM 22.50	RM 6000.00	Jengka
2016	Encik Zuladha	RM 22.50	RM 10,000.00	Kuantan
	Encik Hafiz	RM 22.50	RM 7000.00	Pekan
2017	Encik Syaiful	RM 22.50	RM 8000.00	Temerloh
	Encik Idris	RM 22.50	RM 7000.00	Gambang

Sumber: Jabatan Agama Islam Pahang, Daerah Pekan
(Nama yang digunakan di dalam jadual 1 ini adalah berlainan daripada dokumen sebenar yang dirujuk untuk menjaga privasi pasangan)

Berdasarkan rujukan terhadap jadual di atas yang diraih di JAIP ini, pengkaji sememangnya yakin bahawa kadar RM 22.50 merupakan nilai tetap pemberian mas kahwin di seluruh daerah di negeri Pahang. Langsung tiada pemberian mas kahwin yang kurang atau melebihi kadar RM 22.50 dicatatkan. Bagi rekod jumlah hantaran pula, kadarnya adalah berbeza dan bergantung kepada kemampuan pasangan yang berkahwin. Perlu difahami bahawa pemberian mas kahwin adalah tidak menyamai pemberian hantaran walaupun kedua-duanya diberikan atas alasan perkahwinan. Mas kahwin adalah satu pensyariatan manakala hantaran adalah berbentuk adat setempat yang diraikan.

Sandaran Mata Wang Bagi Nilai Mas Kahwin di Pahang

Berdasarkan subtopik sebelum ini, kajian menyimpulkan bahawa kadar RM22.50 sebagai nilai mas kahwin telah mula diamalkan di Pahang sejak tahun 1930-an lagi (Sazilarahimi 2017). Namun begitu, kajian membincangkan dengan lebih mendalam tentang sandaran mata wang yang diamalkan pada waktu tersebut dan perbandingan kuasa guna dan nilai RM22.50 sekitar tahun 1930-an dengan reality semasa nilai tersebut pada masa kini. Secara ringkasnya, mengimbau kembali zaman dan sandaran mata wang sekitar tahun 1930-an, era tersebut merupakan tempoh zaman wang kertas dikuatkuasakan secara sementara iaitu sejak tahun 1931 sehingga tahun 1944. Era tersebut berlaku untuk tempoh 14 tahun dan merupakan sistem mata wang sementara yang turut dikenali sebagai keadaan atau zaman ‘panik’. Keadaan ‘panik’ ini tercetus akibat ketidakstabilan ekonomi atau peperangan besar yang meletus. Ikut kebiasaan pada waktu tersebut, sistem mata wang kertas akan dikuatkuasakan sapabila berlaku kemelesetan ekonomi (*great depression*). Antara waktu-waktu panik yang dicattakan dalam sejarah adalah ketika Perang Napoleon, Perang Saudara Amerika Syarikat, Perang Dunia Pertama (1914), Perang Dunia ke-2 (1939-1945), Great Depression (1920-an dan 1930-an), Perang Vietnam (1965-1970) dan Krisis Ekonomi Global (2009-2011). Namun begitu, menurut Salmy (2009) sistem wang kertas pada hari ini adalah berbeza jika dibandingkan dengan sistem wang kertas pada waktu itu (1931-1944). Penawaran wang kertas pada waktu tersebut disandarkan kepada emas dan perak manakala wang kertas yang wujud pada hari ini adalah mengikut sistem wang apungan yang disandarkan kepada nilai Dolar Amerika Syarikat.

Sistem wang kertas sementara tersebut tidak bertahan lama dan beralih ke sistem Bretton Woods Pada tahun 1944 setelah perwakilan daripada negara-negara komunis telah mewujudkan satu persidangan untuk melakukan pembentukan semula sitem kewangan antarabangsa. Sistem Bretton Woods telah diaplikasikan bermula tahun 1944 sehingga tahun 1971 untuk tempoh 27 tahun (Salmy Edawati, Sanep Ahmad & Wan Najihah, 2009). Tuntasnya, manusia telah menggunakan mata wang yang berdasarkan emas sejak tahun 1833 lagi sehingga tahun 1973 (Sanep, 2009). Setelah itu, mata wang dunia telah disandarkan kepada Dolar Amerika Syarikat sejak berlakunya krisis sistem kewangan dunia sehingga ke hari ini (Salmy 2009). Kajian menyimpulkan terdapat perbezaan yang sangat ketara antara

nilai mata wang Ringgit Malaysia pada tahun 1935 jika dibandingkan dengan nilainya pada hari ini. Sandaran mata wang kepada nilai Dolar Amerika adalah tidak tetap dan mudah terkesan mengikut spekulasi pasaran wang dan kadar inflasi manakala sandaran wang kepada emas adalah lebih stabil dan terjamin (Salmy et. al., 2009). Pernyataan ini disokong pula oleh Hassanuddeen (2009) yang berpendirian sandaran mata wang kepada komoditi utama dunia seperti perak, minyak dan emas adalah lebih stabil dan adil. Justeru, kajian mendapati bahawa nilai RM 22.50 sebagai nilai mas kahwin yang diperkenalkan pada zaman mata wang disandarkan kepada nilai emas adalah tidak sama faedah dan nilainya jika digunakan pada masa kini yang mempraktikkan sistem wang apungan walaupun dengan menggunakan nilai yang sama sebanyak RM 22.50.

Perbandingan Nilaian Kadar RM 22.50 pada Tahun 1930-an dan Kini

Subtajuk sebelum ini membincangkan kesan peralihan era mata wang dunia yang turut memberikan kesan langsung terhadap ekonomi Malaysia umumnya dan Pahang secara khususnya. Tidak dinafikan nilai RM 22.50 pada suatu ketika dahulu adalah sangat tinggi nilainya iaitu bersamaan dengan jumlah gaji bulanan seorang Pegawai Daerah (*District Officer*) pada era 1930-an dan mempunyai nilai setara dengan sekati perak pada waktu tersebut (Sazilarahimi, 2018). Oleh itu, bagi melihat kesan peredaran sistem mata wang dunia terhadap nilai Ringgit Malaysia, kajian telah melakukan perbandingan harga RM 22.50 sekitar satu abad yang lalu berbanding realiti nilainya pada hari ini. Kadar sekati perak yang bersamaan 600 gram adalah bernilai RM 22.50 lebih kurang satu abad yang lalu (Abd Jalil, 2002). Bagi nilai semasa pula, 600 gram perak adalah bernilai sekitar RM 2,142.00 (Live Price of Gold, 2021). Dapatkan ini telah membuktikan bahawa rakyat Malaysia memerlukan wang yang berlipat kali ganda lebih banyak berbanding hampir satu abad yang lalu untuk membeli jumlah perak dari jenis dan berat yang sama. Selain itu, kajian mendapati kadar 10 Dirham yang pernah menjadi ukuran nilai minimum mas kahwin di Pahang suatu ketika dahulu pada masa kini sudah pun bernilai dalam lingkungan RM70. Kadar 10 Dirham yang terkini ini sudah melebihi RM 22.50 yang merupakan harga 600 gram perak dan menjadi kadar tetap atau maksimum mas kahwin di Pahang suatu ketika dahulu. Jumpaan ini menunjukkan amalan pemberian mas kahwin yang bernilai RM 22.50 pada masa kini sebenarnya adalah

lebih rendah daripada nilai 10 Dirham yang pernah menjadi sandaran nilai minimum mas kahwin suatu ketika dahulu. Kajian telah membandingkan kadar perak yang terdahulu dan terkini kerana nilai perak dipercayai stabil dan tidak terlalu terkesan dengan peredaran waktu (Arfah Salleh 2016; Hassanuddeen 2009; Salmy, Sanep & Wan Najihah, 2009). Perkara ini sekali gus membuktikan sememangnya perubahan sistem mata wang dunia yang kini disandarkan kepada mata wang Dollar Amerika telah menjatuhkan nilai dan kuasa beli mata wang Ringgit Malaysia khususnya berbanding penggunaannya hampir satu abad yang lalu.

Kajian juga mendapati kadar mas kahwin di Pahang telah ditetapkan berdasarkan tahap ekonomi semasa pada waktu tersebut. Contohnya, kajian melihat Pahang telah menetapkan kadar mas kahwin kepada nilai semasa perak dan gaji semasa Pegawai Daerah pada waktu tersebut. Responden yang ditemu bual dan mewakili JAIP juga akur menyatakan bahawa pengaruh ekonomi setempat amat memainkan peranan dalam penetapan kadar mas kahwin (Sazilarahimi, 2017). Beliau mengaku, berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pihak JAIP membuktikan kadar mas kahwin sekitar hampir satu abad yang lalu merupakan bernilai dan berharga di sisi masyarakat. Kajian telah membandingkan ukuran-ukuran masyarakat dahulu mengenai mas kahwin berdasarkan konteks semasa iaitu sekiti perak atau bersamaan kadar gaji seorang pegawai daerah bagi negeri Pahang. Hasilnya, kajian mendapati harga sekiti perak atau 600 gram perak dalam nilai semasa adalah dalam lingkungan nilai RM 2,142.00 dan gaji seorang pegawai daerah adalah sekitar RM 2,442.00 sebagai gaji minima tidak termasuk elaun-elaun pelbagai. Oleh itu, kajian mendapati nilai-nilai yang disandarkan kepada ukuran terdahulu sudah jauh berbeza nilainya berbanding situasi semasa. RM 22.50 pada masa kini dilihat sebagai nilai yang amat rendah dan tidak mampu memberikan banyak manfaat kepada pemiliknya. Amat wajar sekiranya kadar tetapan mas kahwin di kedua-dua negeri tersebut dinilai semula mengikut perkembangan ekonomi dan adat setempat yang mutakhir agar mas kahwin dilihat sebagai suatu pemberian yang eksklusif bagi wanita sesuai dengan syariat Islam.

KESIMPULAN

Selepas meneliti perspektif Islam terhadap kadar mas kahwin serta sejarah penetapan nilainya di negeri Pahang, kajian ini berpendirian untuk menyokong agar kadar mas kahwin di negeri tersebut dipindah ke suatu jumlah yang lebih tinggi dan berharga. Peningkatan nilai mas kahwin tersebut perlulah selari dengan realiti perkembangan kadar mata wang semasa. Seperti yang telah dibincangkan, nilai RM22.50 pada awal ketetapannya sebagai mas kahwin di Pahang adalah menyamai gaji bulanan seorang pegawai daerah di negeri itu. Kadar itu juga menyamai harga sekati atau 600 gram perak pada waktu tersebut iaitu sekitar tahun 1930-an. Berdasarkan kedua-dua contoh kuasa beli yang dinyatakan, dapat disimpulkan bahawa kadar RM22.50 sekitar zaman 1930-an adalah agak tinggi dan dianggap jumlah yang berharga pada waktu tersebut. Walaubagaimanapun, perubahan dan pertukaran sistem mata wang dunia kepada sandaran nilaiannya Dollar Amerika telah mengecilkan kuasa beli mata wang Ringgit Malaysia seperti yang kita alami pada hari ini. RM22.50 pada masa kini dilihat terlalu rendah, tidak berharga dan tidak menawarkan kuasa beli yang tinggi kepada pemiliknya. Kerendahan nilai mas kahwin tersebut dilihat tidak menepati pensyariatan mas kahwin yang melambangkan kemuliaan wanita, simbol kehebatan perkahwinan, jaminan ekonomi wanita dan lain-lain lagi. Kebanyakan negeri telah mengambil inisiatif menetapkan semula kadar mas kahwin sesuai dengan peredaran masa dan zaman. Kajian mengharapkan penulisan ini dijadikan rujukan oleh pihak berkuasa agama Islam di Pahang dalam menyemak semula kadar mas kahwin di negeri tersebut dan menaikkan kadarnya seiring dengan perkembangan masa dan tribulasi kehidupan semasa. Usaha ini dilihat mampu memartabatkan nasib wanita dan matlamat perkahwinan ke arah perkembangan yang positif terutamanya di negeri Pahang.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan buat semua ahli penulis artikel ini dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam atas galakan serta dorongan dalam menyiapkan penulisan ini.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Onn. (2004). Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu Perlis: Mas Kahwin. Jurnal Warisan Indera Kayangan. 16: 3. <http://myrepository.pnm.gov.my/handle/123456789/1411>. [24 April 2016].
- Abdul Kadir Haji Muhammad. (1996). *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hassan Sham. (1993). Hukum Kanun Melaka: Karya Agung Warisan Melaka. Kertas Kerja. "Konvensyen Melaka dalam Warisan Dunia. Anjuran Kerajaan Negeri Melaka dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka di Air Keroh D'Village Melaka. 14-17 April.
- Ahmad Ibrahim. (1965). *Islamic Law in Malaysia*. Singapura: Malaysian Sociological Research Institute.
- Ahmad Munawar Ismail dan Mohd Nor Shahizan Ali. (2012). Memahami Kuantitatif &Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Azhariyy, Abū Maṣṣūr Muhammad bin Ahmad. (2001). *Mu'jam Tahzīb al-Lughah*. Jil. 4. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- al-Zuhayliyy, Wahbah. (1989). *al-Fiqh al-Islāmiyy wa Adillatuh*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Babu Ram Verma. (1968). *Mohammedan Law in India And Pakistan*. India: Law Publishers.
- BERNAMA. 8 Julai 2013. Mas kahwin Pahang naik daripada RM22.50 kepada RM150. http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130708_dn_62/Mas-kahwin-Pahang-naik-daripada-RM2250-kepada-RM150. [14 April 2016].
- Chua, Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan*. Selangor: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.

- Creswell, J.W. (2007). Qualitative Inquiry and Research Design.: Choosing Among Five Approaches. Edisi ke-2. California: Sage.
- Dewan Undangan Negeri Pahang. (2005). Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pahang En 3/05
- Freeland, Richard. (t.t). The Islamic Institution of Mahr and American Law. *Georgetown Journal of International Law*. Jil 4.
- Haron Din. (1993). *Fasakh al-Nikah wa al-Muta^calliqah bi al-Dirārah al-Muqārah bayna al-Mazāhib al-Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan
- Hasbi Haji Muh. Ali. (2013). Mahar Sebagai Satu Bentuk Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita: Kajian di Tawau Sabah. Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Hassanuddeen A. Aziz. (2009). Dinar Sebagai Mata Wang Mengatasi Krisis Ekonomi Global 2008. *Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi*.
- Hussin Salamon & Zanirah Mustafa. (2009). Perbandingan Ekonomi Kapitalisme dan Sosialisme. *Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi*, hlm 133-147.
- Ibn al-^cArabīyy, Abū Bakr Muhammad. (2006). *Ahkām al-qurān al-ṣughrā*. al-Miziydi, Ahmad Farīd. Beirut: Dār al-Kutub al-^cIlmiyyah.
- Ibn ^cĀshūr, Muhammad Tāhir. (2004). *Maqāṣīd al-sharī'ah al-Islāmiyyah*. Qatar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah.
- Ibn Kathīr, Isma'īl Ibn ^cUmar. (2008). *Tafsir Ibn Kathīr*. Terj. M. Abd Ghoffar & Abu Ihsan al-Atsari. Bogor: Pustaka Imam Al-Syafie.
- Ibn Taymiyah, Taqiyuddīn Ahmad bin Abd Halim. (2005). *Majmū^c Al-Fatāwā*. Jil. 32. Mesir: Dār al- Wafā'.

Jabatan Agama Islam Pahang. *Soalan Lazim* <<http://jaip.pahang.gov.my/index.php/penerbitan/soalan-lazim#>>. [14 Januari 2016].

al-Jaziriy, Abd. Rahmān. (2001). *Al-Fiqh ʻala al-Madhahib al-Arbaʻah*.4. Beirut: Dār Ibn Hazm.

al-Kāsāniyy, ʻAlāuddin Abū Bakr bin Masʻud bin Ahmad. (1986). *Badā'iʻ al-Sanā'iʻ fī Tartīb al-Sharāʻiʻ*. Jil 2. Beirut: Dār al-Kutub al-ʻIlmiyah.

al-Marghīnāniyy, ʻĀlī Ibn Abī Bakr. (2010). *Al-Hidāyah fī Sharh Bidāyah al-Mubtadiyy*. Jil 4. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-ʻArabiyy.

Live Price of Gold, 2021. <<https://goldprice.org/gold-price-malaysia.html>>

Marohaini Yusoff. (2001). Pertimbangan Kritikal Dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif. Dlm Marohaini Yusoff.(pnyt.). Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian, hlm. 35-60. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.

Marshall, Catherine. (2006). Data Collection Methods. Sage Pub.com. https://www.sagepub.com/sites/default/files/upm-binaries/10985_Chapter_4.pdf. [10 Julai 2017].

Merriam, S.B. (2009). Qualitative research: a guide to design and implementation. San Francisco :Jossey-Bass.

Mohd Shahzihan bin Ahmad. (2009). Cadangan Bagi Kenaikan Mas Kahwin Negeri Selangor. Kertas Kerja Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Shah Alam, Selangor.

Mohd Taib Osman. (1974). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Federal Publication.

Roland Knyvet Wilson. (1928). *Muhammadan law: A Digest*. Lahore Pakistan: Katchery Road.

al-Sabiq, Sayyid. (2000). *Fiqh Al Sunnah*. Terj. Jil 2. Egypt: Dār al-Fath li al-ʻIlam al-ʻArabiyy.

- Salmy Edawati Yaacob, Sanep Ahmad & Wan Najihah. (2009). Kestabilan Mata Wang dalam Menangani Krisis Ekonomi: Ke Arah Penggunaan Dinar Emas. *Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi*.
- Salmy Edawati Yaacob. (2009). Realiti Semasa Penggunaan Dinar Emas di Malaysia. *Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi*.
- Sanep Ahmad. (2009). Dinar Emas: Pilihan Penuh Dilemma. *Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi*.
- Sazilarahimi binti Sepawi. (2 Mac 2017). Amalan penentuan kadar mas kahwin di negeri Pahang. Temu bual di Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, Pekan, Pahang.
- Shamim Aleem. (2007). *Prophet Muhammad(s) and His Family: A Sociological Perspective*. Bloomington: IN AuthorHouse
- al-Shārāwiyy, Muhammad Mutawalli. (2000). *Ahkām al-Usrah li Bayt al-Muslim*. Kaherah: Maktabah al-Turāth al-Islāmiyyah.
- al-Sibā'iyy, Muṣṭafā bin Husniyy. (1999). *Al Mar'ah Bayna al Fiqh wa al-Qānūn*. Beirut: Dār al-Warq li al-Nashr wa al-Tawzī'
- Siti Nor Ahiasah binti Shafak Ahmad. (2012). Amalan Penetapan Kadar Mahar dalam Kalangan Masyarakat Islam di Daerah Klang, Selangor: Analisis Dari Perspektif Perundangan Islam. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya.
- Sukayriyy, Ismā‘il Ḩalī Taha. (2006). *Ahkām al-Nikāh*. Iraq: Markaz al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah.
- Utyah, Jarji Shahin. (2007). *Mujam al-Mu‘tamad*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah
- Winstedt, R.O. (1992). *A History of Johore*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch Royal Asiatic Society (MBRAS).

Zaini Nasohah. (2004). *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Sebelum dan Menjelang Merdeka*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Zaydān, ḨAbdul Karīm. (1993). *al Mufassal fi Ahkam Al Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim fi al Shariah al Islamiah*. Jil. 6. Beirut: Muassasah al-Risālah.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Pahang 1991

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2005

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pahang 2005

The Muhammadan Laws Enactment 1904

The Muhammadan Marriage and Divorce Registration 1915

The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment 1900

The Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment 1920

